

## *Perbandingan Penilaian Kompetensi Lisan dalam Talian Menggunakan Klip Video dan Gambar*

**Nora Hirin**

Sekolah Menengah Sengkang

**Zulkifli Khamis**

Sekolah Menengah Bendemeer  
zulkifli\_b\_khamis@moe.edu.sg

### Abstrak

25% daripada keseluruhan markah bagi Peperiksaan Bahasa Melayu Peringkat 'O' adalah bagi Kertas 3, iaitu peperiksaan lisan. Kertas 3 ini terbahagi kepada 3 subkomponen, iaitu membaca (5%), perbualan berdasarkan gambar (10%) dan perbincangan mengenai gambar (10%). Peperiksaan ini dijalankan dengan calon berinteraksi secara langsung bersama 2 pemeriksa lisan. Para pelajar didapati kurang berminat dan tidak terlibat secara aktif dalam perbualan berdasarkan gambar-gambar statik tidak menyediakan lebih ruang bagi pelajar menjana isu-isu perbualan. Kajian ini bertujuan untuk menguji hipotesis bahawa pelajar boleh menunjukkan kelakonan yang lebih baik dengan menggunakan klip video sebagai sebahagian daripada penilaian. Dua aktiviti lisan dalam talian telah dijalankan sebagai sebahagian daripada usaha pembelajaran kendiri kecekapan abad ke-21. Pelajar telah diberikan gambar statik dan klip video pendek sebagai asas untuk perbualan. Beberapa soalan diberikan kepada pelajar untuk membimbang perbualan mereka. Semasa ujian sebenar pelajar telah diberi satu gambar-baharu disusuli dengan tayangan klip video pendek dengan tema yang sama. Tiada soalan rangsangan diberikan. Dapatkan kajian mendapati bahawa pelajar menunjukkan prestasi yang lebih baik untuk penilaian lisan dengan menggunakan klip video pendek berbanding dengan gambar.

**Kata kunci**

Perbualan Lisan, Rangsangan Klip Video, Rangsangan Bergambar

## **PENGENALAN**

Unit Jabatan Bahasa Melayu telah menjalankan dua mod penilaian kecekapan lisan yang menggabungkan dua perkembangan terbaru yang mungkin akan dilaksanakan dalam peperiksaan lisan GCE Peringkat ‘O’ pada masa akan datang. Pertama, kemungkinan penilaian tersebut dilaksanakan melalui mod dalam talian menggunakan komputer dan kedua, memperkenalkan penggunaan klip video pendek sebagai alternatif kepada gambar yang statik sebagai rangsangan bagi perbualan.

Jabatan tersebut telah menjalankan dua penilaian kecekapan lisan kepada sekumpulan 27 pelajar menengah dua aliran akademik biasa yang akan mengambil peperiksaan Bahasa Melayu GCE Peringkat ‘O’ dalam masa 2 tahun iaitu pada tahun 2014. Kedua-dua penilaian kompetensi lisan telah dijalankan melalui mod dalam talian komputer, pertama dengan menggunakan gambar statik dan kedua menggunakan klip video pendek.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Penilaian kompetensi lisan sentiasa digunakan sebagai alat untuk mengukur kemahiran komunikasi pelajar. Namun sebagai permasalahan untuk kajian tindakan ini, walaupun terdapat banyak penyelidikan atau kajian mengenai penilaian kompetensi lisan dan faedahnya atau cara ia dijalankan, tidak ada usaha-usaha khusus untuk memberi tumpuan kepada komponen perihal penilaian berdasarkan gambar atau klip video.

Selain itu, tiada juga terdapat satu penyelidikan atau penemuan mengenai perbezaan antara penilaian kompetensi lisan dalam talian komputer yang menggunakan gambar-gambar statik atau yang menggunakan klip video. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna bahawa penyelidikan yang telah dilakukan akan dianggap tidak perlu. Malah, seperti penyelidikan atau kajian yang lain, usaha dan kajian patut dilakukan untuk membantu para pendidik membolehkan, menjalankan dan membangunkan kecekapan lisan pelajar agar mencapai potensi tertinggi mereka.

## **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk membuktikan:

1. keberkesanan penilaian lisan dalam talian komputer boleh dilakukan

- berdasarkan gambar statik dan klip video pendek; dan
2. pencapaian pelajar akan lebih baik jika penilaian lisan menggunakan klip video pendek daripada menggunakan gambar statik.

## LATAR BELAKANG KAJIAN

### Hubungkait antara sistem pendidikan Singapura dan penilaian kompetensi lisan

Kementerian Pendidikan Singapura telah menyenaraikan hasil pendidikan yang diingini dari sistem pendidikan Singapura<sup>1</sup>. Oleh itu, adalah amat sesuai untuk mengatakan bahawa apa-apa bentuk penilaian yang sudah atau akan dilakukan di sekolah-sekolah, sama ada formal atau tidak formal, perlu difikirkan sebagai sebahagian daripada usaha untuk mencapai matlamat yang telah ditentukan.

Hasil pendidikan yang ingin dicapai dari sistem pendidikan di Singapura secara ringkas adalah untuk melahirkan:

- seorang yang berkeyakinan kuat yang tahu membezakan antara benar dengan yang salah, mempunyai daya ketahanan yang tinggi, yang tahu dan arif dalam penilaian dan dapat berkomunikasi dengan kritis dan berkesan;
- seorang yang bertanggungjawab untuk pembelajaran sendiri, suka menyoal, membuat refleksi dan mencerminkan ketekunan dalam usaha pembelajaran tersebut ;
- seorang penyumbang aktif yang mampu bekerja secara efektif dalam pasukan, berinisiatif tinggi, mengambil risiko yang sudah telah difikir secara mendalam, berinovatif dan berusaha untuk mencapai kecemerlangan ; dan
- seorang warganegara yang prihatin, yang berjiwa keSingapuraan, mempunyai kesedaran sivik yang kuat, mempunyai pengetahuan yang luas, dan mengambil peranan aktif dalam usaha meningkatkan kehidupan orang lain di sekelilingnya.

Berdasarkan matlamat dalam sistem pendidikan Singapura seperti yang tertera di atas, adalah penting bagi para pendidik memastikan apa-apa jenis penilaian untuk pelajar, seperti, penilaian kompetensi lisan, harus mengikuti panduan yang telah diberikan. Adalah diharapkan agar pelajar yang merupakan produk dari sistem pendidikan Singapura akan dilengkapi dengan kemahiran

---

<sup>1</sup> Projek ini telah dirancang pada penggal pertama awal tahun 2012 dan dilaksanakan pada bulan Julai sebelum pengumuman rasmi daripada Kementerian Pendidikan pada Ogos 2012 mengenai perubahan dalam penilaian lisan yang akan dilaksanakan pada tahun 2014 untuk aliran tertentu yang dipilih.

abad ke-21; sesuatu yang kritikal bagi individu tersebut untuk mencapai potensi kecemerlangan yang diharapkan.

### Peranan pemeriksa

Dalam mod penilaian kompetensi lisan sekarang, peranan penilai atau pemeriksa adalah untuk memberi calon markah berdasarkan prestasi mereka mengikut rubrik penilaian *Singapore Examinations and Assessment Board* (SEAB). Isu ketidakadilan dapat dikurangkan dengan kedua-dua pemeriksa membandingkan markah yang diberi sebagai satu usaha penyelarasan kepada markah yang disetujui kedua-dua pemeriksa. Isu kedua yang diambil kira adalah selain pemberian markah, pemeriksa memberi kesan psikologi yang positif ketika berbual dengan calon peperiksaan. Pemeriksa sering diingatkan dan diminta untuk berbual secara lembut, sabar serta memberi galakan kepada calon yang menduduki peperiksaan. Pemeriksa yang mesra dan prihatin akan memastikan bahawa calon tersebut berasa selesa dan tidak tertekan semasa peperiksaan lisan dilakukan. Suasana yang selesa membolehkan calon dapat melakukan persembahan yang lebih baik. Ini lebih-lebih lagi untuk menolong calon yang mempunyai isu malu dan mudah gementar.

### Penilaian berdasarkan gambar

Penilaian kompetensi lisan khususnya bahagian perbualan berdasarkan gambar merujuk kepada komponen gambar yang disediakan untuk perbincangan semasa penilaian lisan dijalankan. Amalan ini memerlukan calon menceritakan senario dalam gambar yang diberi kepada calon. Cara begini menawarkan calon beberapa peluang untuk memulakan dialog deskriptif dengan pemeriksa. Calon kemudian akan diberi markah berdasarkan persembahan penerangan, huraian isi, bahasa dan keterikatan mengenai gambar tersebut semasa perbualan interaktifnya dengan pemeriksa.

### Penilaian berdasarkan video

Dalam kajian yang dilakukan, klip video pendek telah digunakan sebagai alternatif kepada gambar statik dalam penilaian kompetensi lisan. Klip video tersebut tidak melebihi 2 minit. Senario dan aktiviti yang digambarkan dalam video ini perlu diceritakan oleh calon. Adalah penting untuk diambil perhatian bahawa, kemahiran inferens calon yang mungkin timbul daripada pemahaman menonton klip video tersebut boleh memberi satu kelebihan berbanding menggunakan gambar yang statik sebagai rangsangan bagi komponen perbualan.

## Penilaian berdasarkan mod dalam talian komputer

Penilaian kompetensi lisan menggunakan mod dalam talian komputer bermakna bahawa tidak seperti mod tradisional yang memerlukan kehadiran pelajar secara fizikal ‘dua pemeriksa - seorang calon’ penilaian lisan mod dalam talian komputer hanya akan memerlukan calon untuk mempunyai komputer yang disambungkan ke internet, mikrofon dan satu set fon kepala untuk mengambil bahagian dalam penilaian tersebut. Sudah tentu, penilaian lisan mod dalam talian komputer memerlukan calon dan pemeriksa untuk mempunyai pengetahuan asas komputer dan internet, serta pandai mengemudi program yang digunakan untuk penilaian ketika menggunakan klip video pendek dan merakam suara calon.

## **KAJIAN LITERATUR**

Heywood (2000) menyatakan bahawa penilaian lisan ialah tugas-tugas yang direka untuk menyediakan para pelajar dengan peluang untuk membangunkan dan menunjukkan penguasaan pengetahuan mereka melalui ucapan dan persembahan..

Joughin (1999) mendapati bahawa ciri-ciri tertentu penilaian lisan mempunyai keupayaan untuk memberi pengaruh yang positif terhadap pembelajaran pelajar, kerana pelajar:

- akan melihat keperluan yang lebih besar untuk memahami bahan yang mereka belajar ketika membuat persiapan untuk lisan dan bukan dalam bentuk tulisan. Pelajar tahu pemahaman mereka akan dipersoalkan oleh rakan-rakan atau pemeriksa tersebut;
- kurang cenderung untuk membentangkan idea-idea yang mereka tidak faham dan perlukan rangsangan; dan
- melaporkan penilaian lisan sebagai pengongsian pengalaman peribadi semata-mata dan mereka lebih bertanggungjawab kepada penilai atau pendengar.

Dalam hal ini, jelaslah bahawa, potensi pelajar dari segi kemahiran lisan boleh dikembangkan sekiranya rangsangan-rangsangan yang disediakan bagi perbualan lisan dekat dengan diri pelajar, mudah difahami dan memberi ruang kepada mereka untuk berkongsi pengalaman yang autentik dan pernah dialami sendiri atau pengalaman orang lain yang diketahui oleh pelajar.

Dengan mengambil kira keperluan pembelajaran pelajar masa kini yang

secara umumnya lebih celik IT termasuklah kecenderungan mereka menonton klip video atau klip animasi, peluang untuk pelajar lebih teruja untuk mempamerkan keupayaan lisan mereka menggunakan rangsangan klip video dan penggunaan komputer lebih cerah.

## **KAEDAH KAJIAN**

### **Subjek Kajian**

Kelas yang dipilih untuk kajian ini adalah menengah 2 Normal Akademik biasa, yang terdiri daripada 27 pelajar. Kelas ini dipilih kerana bilangan pelajar di dalam kelas ini adalah lebih besar berbanding dengan pelajar-pelajar di dalam aliran ekspres, yang terdiri daripada 23 pelajar.

Jurang pelbagai T-skor pelajar dalam aliran Normal Akademik biasa juga lebih kurang berbanding dengan pelajar-pelajar di dalam aliran Ekspres. Ini akan memberi data yang lebih tepat untuk dianalisis.

Kumpulan pelajar ini tidak diberikan latihan tambahan sebagai persiapan perbualan lisan kerana ini bukanlah sesuatu yang baru kepada mereka. Tambahan pula mereka telah terdedah kepada penilaian lisan dalam talian komputer pada awal penggal pertama tahun 2012. Oleh itu tidak ada amalan tambahan yang dijalankan sebelum kajian dilakukan. Walau bagaimanapun, pelajar diberikan masa untuk membuat latihan cubaan dan rakaman beberapa hari sebelum ujian kajian dimulakan. Klip video cubaan telah dimuat naik untuk dicuba oleh pelajar. Mereka telah dibenarkan merakam beberapa kali dan memuatnaikkan persembahan yang mereka anggap terbaik untuk dibincangkan dalam kelas.

### **Prosedur Kajian**

- Pelaksanaan  
Dua sesi berasingan telah dijalankan bagi memberi tumpuan kepada penilaian lisan berasaskan gambar dan klip video. Dua orang guru telah ditugaskan bagi menjalankan ujian untuk setiap sesi dan memberikan apa-apa sokongan teknikal yang diperlukan.
- Profil Pelajar  
Pelajar telah dipilih dari aliran Normal Akademik biasa. Pelajar-pelajar ini mempunyai pelbagai T-skor PSLE yang kecil jurangnya berbanding rakan sebaya mereka di aliran Ekspres. Kelas itu juga terdiri daripada pelbagai jenis kombinasi pelajar yang mempunyai kekuatan yang berbeza dalam aspek

pendengaran, kinestetik atau auditori .

- Persediaan untuk praujian  
Sejak jadinya halal tujuum mencapai kemahiran abad ke-21, semuanya pelajar Bahasa Melayu telah terdedah kepada penilaian lisan dalam talian komputer yang dilakukan semasa Peperiksaan Pertengahan Tahun mereka pada bulan April.

Untuk menjalankan penyelidikan tindakan ini, makmal komputer telah ditempah untuk 2 sesi ujian. Fon kepala dengan mikrofon telah disediakan untuk latihan ini. Pelajar yang terlibat juga telah diberi taklimat sebelum prakajian berkaitan dengan rasional kajian, masa dan tempat melaporkan diri.

Untuk sesi praujian ini, gambar dan klip video dipilih dan dimuat naik ke komputer sekolah sebagai sumber kepada pelajar untuk melakukan rakaman percubaan mereka. Pelajar telah diberi akses untuk melakukan cubaan masing-masing. Sesi pertama ini dijalankan semasa waktu kurikulum dengan menggunakan portal ‘Ask and Learn’. Namun, tidak seperti peperiksaan pertengahan tahun, kali ini, tidak ada soalan-soalan rangsangan telah diberi untuk menolong pelajar membuat rakaman menceritakan senario yang telah disediakan dalam bentuk gambar atau klip video.

- Sesi ujian  
Pada hari ujian, para pelajar melaporkan diri di makmal komputer seperti yang diarahkan. Pelajar mengakses akaun mereka di portal ‘Ask and Learn’ sekolah. Pelajar kemudiannya diarahkan untuk melakukan rakaman percubaan menggunakan laluan yang dimuatnaik untuk memastikan bahawa sistem dan fon kepala mereka dalam keadaan baik.

Setelah selesai, pelajar diberikan arahan untuk mengakses gambar dan klip video baru yang telah disediakan. Kali ini mereka telah dihadkan masa untuk bercakap dan membuat rakaman mereka. Pelajar telah diperuntukkan 15 minit untuk rakaman gambar dan 15 minit untuk rakaman video. Sepanjang 15 minit itu, pelajar dibenarkan membuat beberapa percubaan untuk bercakap dan merakam perbualan mereka mengenai gambar dan klip video masing-masing. Hanya rakaman yang terakhir yang dimuat naik ke portal ‘Ask and Learn’ akan dinilai pemeriksa.

## DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan keputusan keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan pencapaian markah yang lebih baik untuk penilaian lisan menggunakan klip video. 67% daripada kumpulan kajian mendapat markah yang lebih tinggi dalam penilaian lisan klip video berbanding dengan gambar statik. 24% mempunyai skor yang konsisten untuk kedua-dua medium tersebut dan hanya 9% sahaja yang mendapat markah yang lebih rendah bagi medium klip video.

## KESIMPULAN

Cabaran-cabaran yang dihadapi dalam menjalankan kajian termasuklah perkara yang berikut:

1. Kecekapan dan kelancaran dalam menjalankan ujian banyak bergantung kepada peralatan yang ada di makmal komputer. Beberapa pelajar tidak dapat mengakses fungsi rakaman dalam portal ini disebabkan oleh kerosakan sistem. Ada fonkepala berserta mikrofon yang berada dalam keadaan yang kurang baik, menyebabkan banyak masa terbuang membentulkan kekurangan alat atau mendapat penggantian bagi fonkepala yang rosak.
2. Ia merupakan cabaran kepada guru untuk mengawal tahap bunyi di dalam makmal komputer disebabkan pelajar yang telah menamatkan ujian mereka lebih awal daripada rakan-rakan mereka, mengganggu rakan-rakan mereka yang lain yang belum habis ujian. Tahap kebisingan semasa para pelajar sedang membuat rakaman juga mengganggu tumpuan mereka ketika masing-masing sedang membuat rakaman.
3. Pelajar lebih selesa semasa berbual menggunakan gambar sebab gambar tersebut statik dan pelajar dapat memberi tumpuan terperinci kepada nya semasa mencari bahan perbualan ketika membuat rakaman.
4. Pelajar perlu memutar balik atau mencepatkan video ke hadapan ketika berbual untuk mencari bahan perbualan. Oleh itu, pelajar memerlukan lebih banyak masa bercakap mengenai klip video berbanding dengan gambar statik.

Adalah penting bagi para guru melengkapkan pelajar dengan kemahiran lisan untuk membolehkan pelajar cemerlang sama ada semasa perbualan berdasarkan gambar atau klip video. Mungkin ia tidak terlalu sukar bagi pelajar

untuk meningkatkan kemahiran mereka untuk perbualan gambar kerana ia juga merupakan salah satu komponen untuk ujian lisan bahasa Inggeris mereka. Mereka mungkin lebih biasa atau selesa apabila berhadapan pemeriksa semasa perbualan berdasarkan gambar.

Bermula tahun 2016, beberapa aliran terpilih akan melakukan peperiksaan lisan peringkat nasional menggunakan klip video dalam komputer. Namun untuk komponen ini, pelajar tidak perlu membuat rakaman tetapi masih akan berinteraksi dengan 2 pemeriksa seperti biasa.

*Nota:*

Guru berikut turut serta dalam kajian yang dijalankan.

1. Kasmirah Ibrahim
2. Mohammad Zulfadli Mohd Rashid

## **RUJUKAN**

- Heywood, J. (2000) Assessment in Higher Education: Student Learning, Teaching, Programmes and Institutions. London: Jessica Kingsley Publishers.
- Joughin, G. (1999). Dimensions of oral assessment and student approaches to learning. In S. Brown & A. Glasner (Eds.), Assessment Matters in Higher Education (pp. 146-156). Buckingham: SRHE and Open University Press.  
<http://www.moe.gov.sg/education/desired-outcomes/>